



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil AIA Starter Plan. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah produk ini?

AIA Starter Plan adalah pelan tempoh insurans yang menawarkan perlindungan kematian untuk 1 tahun.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini menyediakan:

Penerangan	Manfaat
Kematian	RM <XX,XXX>

Tempoh perlindungan: 1 tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang harus Anda bayar: RM<XXX.XX> (<Frekuensi Pembayaran>) Anda perlu memastikan bahawa Anda berpuas hati dengan premium yang perlu dibayar di bawah Polisi ini dan ianya adalah amaun yang Anda mampu. Premium ini dijamin.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Tidak ada yuran dan caj selain dari premium yang dibayar.

Pelan ini tidak mempunyai sebarang komisen dan tiada perantara yang terlibat dalam pemasaran pelan AIA Starter Plan.

5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur Anda dengan betul.
- Tempoh Percubaan** – Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi permintaan bertulis yang ditandatangani oleh anda kepada AIA Bhd. di dalam tempoh lima belas (15) hari selepas kontrak e-polisi anda telah tersedia di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar selepas ditolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan perubatan (jika ada) akan dibayar balik.
- Tempoh Ihsan** – Anda mempunyai 31 hari daripada setiap tarikh premium perlu dibayar untuk membayar premium bagi polisi ini. Polisi akan kekal berkuatkuasa semasa tempoh ini.
- Penamaan** - Anda digalakkan untuk melantik penama bagi permohonan insurans anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Sila pastikan penama anda mengetahui polisi yang telah anda beli.
- Tuntutan** - Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

Nota:

- Ia mungkin tidak akan menguntungkan untuk bertukar dari satu pelan insurans ke pelan yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada syarat-syarat penajajaminan yang baru, tempoh menunggu penuh dan tempoh menunggu bagi polisi yang baru.
- Terma-terma dan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.



- (iii) Sila ambil perhatian bahawa premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Sebarang kematian yang timbul daripada peristiwa berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Kematian akibat membunuh diri di dalam satu (1) tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, mana-mana yang kemudian, maka liabiliti AIA Bhd. dibataskan kepada pemulangan semula premium yang dibayar tanpa faedah. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat tempoh ini memerlukan komitmen kewangan anda selama satu (1) tahun. Sekiranya anda tidak membayar premium anda dalam Tempoh Ihsan, polisi anda akan ditamatkan.

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA Bhd. Selepas pembatalan, anda layak untuk mendapat bayaran balik sebahagian daripada premium anda dengan syarat anda tidak membuat tuntutan ke atas polisi.

Tempoh Dari Ulang Tahun Polisi Pertama, Tidak Melebihi	Mod Pembayaran Premium			
	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
15 hari*	100%	100%	100%	100%
1 bulan	80%	70%	50%	
2 bulan	70%	50%	20%	
3 bulan	60%	30%	Tiada pengembalian	
4 bulan	50%	20%	50%	
5 bulan	40%	10%	20%	
6 bulan	30%	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	
7 bulan	25%	70%	50%	
8 bulan	20%	50%	20%	
9 bulan	15%	30%	Tiada pengembalian	
10 bulan	10%	20%	50%	
11 bulan	5%	10%	20%	
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pengembalian			

* Tempoh Percubaan

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran peribadi saya?

Ia adalah penting untuk anda memaklumkan kepada AIA Bhd. mengenai sebarang perubahan maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk panduan pengenalan tentang "Insurans Hayat" melalui www.liam.org.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA Bhd. di:



PERLINDUNGAN
terang
MAMPU & MUDAH

AIA Bhd. 200701032867 (790895-D)
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300-88-1899
Tel: 03-2056 1111
Website: AIA.COM.MY

**AIA Bhd. 200701032867 (790895-D),
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300-88-1899
Tel: 03-2056 1111
E-mel: my.pdsenquiry@aia.com
Laman web: AIA.COM.MY**

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh AIA Bhd., sebuah syarikat insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Jenis pelan-pelan lain yang serupa boleh didapati

Sila hubungi AIA Bhd. untuk jenis pelan-pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AIA Bhd.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ITU DAN HUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUKINI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA MENGATASI DOKUMEN INI.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat <[MM/DD/YYYY](#)>.